



# EVOLUSI PERINTAH GAJI MINIMUM DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

Zuraini Binti Abu Kassim  
Yasmin Bt Ramli  
Institut Maklumat dan Analisis  
Pasaran Buruh (ILMIA)

## LATAR BELAKANG

Pada tahun 2010, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji dan menetapkan gaji minimum pada kadar yang munasabah bagi membolehkan rakyat menyara kehidupan dengan baik. KSM telah membuat rujukan kepada beberapa kajian yang telah dijalankan dan hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa keseluruhan gaji terendah di sektor swasta adalah lebih rendah berbanding dengan sektor awam. Ini telah dibuktikan melalui dapatan kajian seperti Kajian Guna Tenaga Kebangsaan (NER) 2009, Kajian Perjanjian Bersama (CA) dan proses permohonan *fast track* pekerja asing 2009. Selain itu, KSM telah mewujudkan blog mengenai gaji minimum bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas daripada orang ramai. Beberapa siri bengkel turut dijalankan bersama dengan pemegang taruh seperti kesatuan sekerja, persatuan majikan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan agensi Kerajaan. Bengkel-bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan awal pemegang taruh sama ada gaji minimum ini wajar dilaksanakan di Malaysia.



## DEFINISI GAJI MINIMUM

Gaji minimum ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732) sebagai gaji pokok yang akan ditetapkan atau sebagaimana yang ditetapkan di dalam perintah gaji minimum di bawah Seksyen 23 akta yang sama. Seksyen 23 ini menyatakan bahawa Menteri hendaklah melalui pemberitahuan dalam warta membuat perintah gaji minimum berkaitan perkara yang dinyatakan di bawah subseksyen 22(1) dengan membuat syor kepada Kerajaan melalui Menteri mengenai perkara-perkara berikut:

- a) kadar gaji minimum;
- b) liputan kadar gaji minimum yang disyorkan mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah;
- c) ketidakpakaian kadar dan liputan gaji minimum yang disyorkan bagi mana-mana sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah atau bagi mana-mana orang atau golongan orang;
- d) permulaan kuat-kuasa perintah gaji minimum dan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat-kuasa perintah gaji minimum bagi sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah yang berlainan atau bagi orang atau golongan orang yang berlainan; dan
- e) perkara lain yang berhubungan dengan syor minimum termasuk pelaksanaan kadar dan liputan gaji minimum yang disyorkan.

International Labour Organization (ILO) telah memberikan takrifan gaji minimum sebagai upah minimum yang patut dibayar kepada pekerja untuk kerja atau perkhidmatan yang dilakukan dalam tempoh tertentu, sama ada dikira berdasarkan masa atau output, yang tidak boleh dikurangkan oleh individu atau menerusi perjanjian bersama. Gaji minimum ini dijamin oleh undang-undang dan ditetapkan bertujuan untuk menampung keperluan minimum kehidupan pekerja dan keluarganya berasaskan keadaan sosioekonomi sesebuah negara.



## PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM

Objektif dasar gaji minimum ini terbahagi kepada empat (4) iaitu:

- i. memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi;
- ii. memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja;
- iii. meningkatkan rantaian pengeluaran dengan melabur dalam teknologi intensif untuk meningkatkan produktiviti buruh; dan
- iv. mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.

Perintah gaji minimum ini telah disemak sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11. Semakan pertama yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016 adalah untuk meningkatkan gaji minimum di Semenanjung Malaysia daripada RM900.00 kepada RM1,000.00. Manakala di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan gaji minimum ditingkatkan daripada RM800.00 kepada RM920.00. Semakan kedua pada tahun 2018 adalah untuk menyeragamkan gaji minimum di seluruh Malaysia kepada RM1,100.00 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Semakan ketiga bagi perintah gaji minimum ini telah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 dan semakan ini telah meningkatkan gaji minimum kepada RM1,200.00 di 16 kawasan Majlis Bandaraya yang terdiri daripada 14 ibu negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Bandar Iskandar Puteri serta 40 Majlis Perbandaran.

Pada tahun ini, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan kadar gaji minimum baharu iaitu RM1,500 sebulan mulai 1 Mei 2022 di seluruh negara. Merujuk kepada perkara 4(3)(a) dalam perintah gaji minimum baharu ini, kadar gaji minimum RM1,500 adalah terpakai kepada pekerja yang diambil bekerja oleh seseorang majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja atau lebih. Manakala perkara 4(3)(b) pula menyatakan majikan yang menjalankan suatu aktiviti professional dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) hendaklah juga membayar gaji minimum baharu ini tanpa mengira bilangan pekerja diambil bekerja. Walau bagaimanapun kadar gaji minimum RM1,500 bagi majikan yang mengambil kurang daripada lima (5) pekerja hanya akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023.



Perintah gaji minimum ini meliputi semua pekerja tempatan dan asing tetapi ia tidak terpakai kepada pekhidmat domestik sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1), Akta Kerja 1955, subseksyen 2(1), Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan subseksyen 2(1), Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

## PERUBAHAN GAJI MELALUI PERINTAH GAJI MINIMUM

### 1. PERINTAH GAJI MINIMUM 2012

Perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 ke atas majikan yang mempunyai pekerja seramai enam (6) orang atau lebih. Manakala bagi majikan yang mempunyai pekerja seramai lima (5) orang atau kurang, perintah ini mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013. Pada ketika itu, Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1**

KAWASAN WILAYAH	KADAR GAJI MINIMUM	
	BULANAN	SETIAP JAM
Semenanjung Malaysia	RM900	RM4.33
Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	RM800	RM3.85

### 2. PERINTAH GAJI MINIMUM 2016

Perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016 ke atas majikan di Malaysia tanpa mengira saiz perniagaan. Pada ketika itu, Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja seperti di Jadual 2:



**Jadual 2**

KAWASAN WILAYAH	KADAR GAJI MINIMUM			
	BULANAN	HARIAN		SETIAP JAM
Semenanjung Malaysia	RM1,000	Bilangan hari bekerja dalam seminggu		RM4.81
		6	RM38.46	
		5	RM46.15	
		4	RM57.69	
Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	RM920	6	RM35.38	RM4.42
		5	RM42.46	
		4	RM53.08	

### 3. PERINTAH GAJI MINIMUM 2018

Perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2019 ke atas semua majikan di Malaysia tanpa mengira saiz perniagaan. Pada ketika itu, Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja adalah seperti di Jadual 3:

**Jadual 3**

KADAR GAJI MINIMUM			
BULANAN	HARIAN		SETIAP JAM
RM1,100	Bilangan hari bekerja dalam seminggu		RM5.29
	6	RM42.31	
	5	RM50.77	
	4	RM63.46	



#### 4. PERINTAH GAJI MINIMUM 2020

Perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Februari 2020 ke atas semua majikan di Malaysia tanpa mengira saiz perniagaan. Pada ketika itu, Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum kepada dua (2) kawasan iaitu:

##### 4.1 Kadar gaji minimum di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran

Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4:

Jadual 4

KADAR GAJI MINIMUM				
BULANAN	HARIAN			SETIAP JAM
	Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	6	5	4	
RM1,200	RM46.15	RM55.38	RM69.23	RM5.77

##### 4.1.1 Kadar gaji bagi pekerja yang dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, dan sebagainya di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran

Berhubung dengan seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4 dan tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugas, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,200.



## 4.2 Kadar gaji minimum di kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran

Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5:

Jadual 5

KADAR GAJI MINIMUM				
BULANAN	HARIAN			SETIAP JAM
	Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	6	5	4	
RM1,100	RM42.31	RM50.77	RM63.46	RM5.29

### 4.2.1 Kadar gaji bagi pekerja yang dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, dan sebagainya di kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran

Berhubung dengan seseorang pekerja yang bekerja di suatu tempat kerja dalam mana-mana kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5 dan tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugas, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,100.



## 5. PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

Perintah ini telah diwartakan pada 27 April 2022 dan tarikh penguatkuasaan perintah gaji minimum ini terbahagi kepada dua (2) iaitu:

### 5.1 Pada 1 Mei 2022 melibatkan:

- i. Seseorang majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja dan lebih;
- ii. Tanpa mengira jumlah pekerja yang digajikan, seseorang majikan yang menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO) 2020 iaitu:
  - a. profesional sains dan kejuruteraan;
  - b. kesihatan;
  - c. perguruan;
  - d. perniagaan dan pentadbiran;
  - e. teknologi maklumat dan komunikasi;
  - f. perundangan;
  - g. perkhidmatan hospitaliti dan yang berkaitan;
  - h. sosial dan kebudayaan; dan
  - i. badan pengawalaturan.

### 5.12 Perincian gaji minimum adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 6.

**Jadual 6: Kadar mengikut jam**

Kadar Gaji Minimum (Bulanan) RM	Kadar Gaji Minimum (Jam) RM
1,500	7.21





**Jadual 7: Kadar mengikut harian:**

<b>Bilangan Hari Bekerja Dalam Seminggu</b>	<b>Kadar Gaji Harian (RM)</b>
6	57.69
5	69.23
4	86.54

- i. Kadar gaji minimum bagi pekerja yang tiada gaji pokok tetapi dibayar mengikut upah ikut kerja (piece-rated), berat tan (tonnage), tugasan (task), perjalanan (trip) atau komisen (commission) hendaklah tidak kurang daripada RM1,500 sebulan

**5.2 Bagi tempoh 1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022, kadar gaji minimum bagi majikan yang menggajikan kurang daripada lima (5) orang pekerja adalah mengikut kawasan tempat kerja pekerja iaitu RM1,200 di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran dan RM1,100 untuk kawasan selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran.**

**Jadual 8: Kawasan Majlis Bandaraya/ Perbandaran**

<b>KADAR GAJI MINIMUM</b>				
<b>BULANAN</b>	<b>HARIAN</b>			<b>SETIAP JAM</b>
	<b>BILANGAN HARI BEKERJA DALAM SEMINGGU</b>			
	6	5	4	
RM1,200	RM46.15	RM55.38	RM69.23	RM5.77



Kadar gaji minimum bagi pekerja yang tiada gaji pokok tetapi dibayar mengikut upah ikut kerja (piece-rated), berat tan (tonnage), tugas (task), perjalanan (trip) atau komisen (commission) hendaklah tidak kurang daripada RM1,200 sebulan.

**Jadual 9: Selain Kawasan Majlis Bandaraya/ Perbandaran**

KADAR GAJI MINIMUM				
BULANAN	HARIAN			SETIAP JAM
	Bilangan hari bekerja dalam seminggu			
	6	5	4	
RM1,100	RM42.31	RM50.77	RM63.46	RM5.29

Kadar gaji minimum bagi pekerja yang tiada gaji pokok tetapi dibayar mengikut upah ikut kerja (piece-rated), berat tan (tonnage), tugas (task), perjalanan (trip) atau komisen (commission) hendaklah tidak kurang daripada RM1,100 sebulan.

**5.3 Penguatkuasaan perintah gaji minimum RM1,500 pada 1 Januari 2023 adalah melibatkan majikan yang menggajikan kurang lima (5) orang pekerja.**



## PENGUATKUASAAN PERINTAH GAJI MINIMUM

Bagi memastikan majikan melaksanakan perintah gaji minimum, agensi di bawah KSM seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penguatkuasaan melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Pemeriksaan Berkanun;
- ii. Penyiasatan Aduan;
- iii. Pengendalian Tuntutan Kes Buruh;
- iv. Pengendalian Pertikaian Perusahaan;
- v. Pengendalian Kes Pendakwaan; dan
- vi. Pendidikan Perburuhan

Mana-mana majikan yang melakukan kesalahan di bawah Akta 732 boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- i. Bagi kesalahan pertama, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap seorang pekerja. Mahkamah juga boleh memerintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji pokok dan bayaran-bayaran lain;
- ii. Bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 sehari;
- iii. Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun; dan
- iv. Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Akta, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.



## PENUTUP

Penetapan gaji minimum oleh Kerajaan setiap dua (2) tahun adalah selaras dengan peruntukan Akta 732 yang menetapkan keperluan mengkaji gaji minimum setiap dua tahun. Peningkatan gaji minimum ini akan menjadikan kadar gaji di negara ini kompetitif, sekali gus setanding dengan negara lain di rantau Asia Tenggara.

Kajian semula dan peningkatan gaji minimum yang munasabah dijangka mampu meningkatkan motivasi dan produktiviti pekerja seterusnya meningkatkan pendapatan syarikat. Pekerja juga dapat meningkatkan jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka serta dapat mencapai jumlah simpanan yang lebih tinggi bagi tujuan persaraan. Bagi tujuan perlindungan keselamatan sosial, pekerja juga dapat mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam memastikan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja dan waris dijamin sekiranya pekerja ditimpa kemalangan semasa bekerja.

Dasar gaji minimum ini penting dilaksanakan bagi memastikan tiada golongan pekerja yang tertindas dengan kadar upah yang sangat rendah dan tidak munasabah, khasnya pekerja yang tiada pendidikan atau kurang pengetahuan yang bekerja dalam bidang pekerjaan asas. Ini akan membantu mereka untuk kebolehidupan yang lebih baik.

Penetapan gaji minimum adalah usaha Kerajaan dalam menjaga kebajikan pekerja terutamanya kategori B40 yang terhimpit dengan kesukaran untuk meneruskan kelangsungan hidup selepas pandemik COVID-19. Peningkatan kos sara hidup, terutamanya ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19 menyebabkan rakyat tertekan dan terbeban. Oleh yang demikian, penetapan gaji minimum secara tidak langsung akan meningkatkan kuasa beli rakyat, seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka. Majikan juga digesa untuk tidak menjadikan gaji minimum sebagai gaji standard. Pekerja wajar dibayar setara dengan kelulusan atau pekerjaan yang mereka laksanakan. Usaha ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.



## Rujukan

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2021)

Undang-undang Malaysia: Akta 732, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011

Undang-undang Malaysia: Akta 265, Akta Kerja 1955

Undang-undang Malaysia: Ordinan Buruh (Sabah Bab 67)

Undang-undang Malaysia: Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)

Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 16 Julai 2012: Perintah Gaji Minimum 2012

Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 29 April 2016: Perintah Gaji Minimum 2016

Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 28 November 2018: Perintah Gaji Minimum 2018

Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 10 Januari 2020: Perintah Gaji Minimum 2020

Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 24 April 2022: Perintah Gaji Minimum 2022

**PENAFIAN:** Artikel ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.